

BAB SATU

1

Bab 1

PENGENALAN KESENIAN

1.1 Pendahuluan

Kesenian merupakan suatu perkara yang berkait rapat dengan diri manusia. Ia merupakan sebahagian daripada fitrah manusia yang suka kepada keindahan dan kecantikan. Kecenderungan kepada ciptaan seni atau hasrat kepada seni adalah tabiat asli manusia. Kerana itu ia tidak mungkin akan dipisahkan daripada kehidupan manusia. Apabila hati berada di dalam keadaan yang sibuk dan tertekan ia perlulah direhatkan, pada ketika itu ketenangan adalah perlu bagi menghilangkan kerunsingan yang sedang melanda. Salah satu cara yang biasa digunakan untuk tujuan tersebut ialah melalui kesenian. Terdapat berbagai-bagai jenis kesenian tradisional dalam masyarakat Melayu di Terengganu. Antaranya termasuklah kesenian di dalam bidang seni suara, seni muzik dan seni tari. Ketiga-tiga kesenian tersebut berkait rapat di antara satu sama lain.

1.2 Pemilihan Tajuk dan Tujuan Kajian

Tajuk bagi kajian ini ialah ‘Kesenian Melayu di Terengganu: Suatu Kajian Daripada Perspektif Islam.’ Penulis merasakan perlu untuk membuat kajian mengenai tajuk ini memandangkan sehingga kini belum lagi terdapat perbincangan yang khusus mengenai kesenian tradisional oleh mana-mana pihak. Walaupun demikian, jika terdapat buku-buku yang ditulis mengenai kesenian, ia hanya membincangkan tentang satu aspek sahaja iaitu dari sudut hiburan semata-mata. Dengan sebab itulah timbulnya kekeliruan di dalam masyarakat mengenai hukum yang sepatutnya bagi kesenian dari sudut halal dan haram.

Di samping membincangkan tentang kesenian yang diamalkan itu dari sudut halal dan haram, penulis juga akan turut membicarakan tentang kesan-kesan yang timbul apabila sesuatu kesenian itu dijalankan. Kesan-kesan baik dan buruk kepada kehidupan individu dan masyarakat akan dinyatakan. Antaranya termasuklah dari sudut akidah, hubungan sesama anggota masyarakat dan lain-lain lagi.

Di dalam kajian yang dilakukan ini, penulis akan menghadkan batas-batas yang membezakan satu-satu hiburan itu sama ada ia halal ataupun haram. Pandangan-pandangan para ulama’ akan dikaji berdasarkan kepada al-Quran al-Karim dan Hadis Rasulullah s.a.w.

1.2.1 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa perkara yang akan diperolehi hasil daripada kajian yang akan dilakukan. Kajian yang dilakukan ini adalah penting kerana:

- I Menjelaskan batas-batas kesenian dan hiburan yang dibenarkan di dalam Islam.
- II Menilai pengaruh dan kesan daripada kesenian yang diamalkan sama ada ia membawa kepada kebaikan atau keburukan.
- III Memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kesenian yang terdapat di dalam Islam.
- IV Membetulkan tanggapan masyarakat terhadap kesenian yang diamalkan selama ini sama ada ia selaras dengan tuntutan Islam ataupun sebaliknya.
- V Membentuk pemikiran masyarakat ke arah pemikiran Islam supaya tidak terpengaruh dengan budaya kuning yang disebarluaskan oleh mereka yang antikan Islam melalui kesenian.
- VI Mengesan pengaruh yang terdapat di dalam sesebuah lagu dan mencanainya semula mengikut Islam.

1.3 Pengertian Tajuk

Kesenian merupakan suatu perkara yang berkait rapat dengan kebudayaan. Setiap bangsa atau masyarakat mempunyai kesenian yang tersendiri. Mereka mengamalkannya dalam kelompok mereka. Kadang-kadang berlaku juga percampuran ataupun pengubahsuaihan kesenian itu apabila masyarakat yang mengamalkannya tidak lagi berpegang kuat dengan kebudayaan yang dimiliki oleh nenek moyang mereka yang terdahulu.

‘Kesenian’ bermaksud halus (kecil, elok) tipis, enak didengar (suara), comel (bentuk badan), seni, karya (muzik, sajak, lukisan dll) yang diciptakan dengan bakat.¹ Kesenian ialah yang dimaksudkan dengan perihal seni yang berkaitan dengan seni. Ia sebagai usaha untuk menciptakan bentuk yang menyenangkan.

Kesenian dalam bahasa Arab disebut sebagai ‘Al Fannu’² (الفنون)

عمل فناني (في مجال الرسم أو النحت أو الموسيقى أو غير ذلك)

¹ Kamus Dewan Edisi Baru (1992) Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 1169-1170

² Al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi (1989) al-Manzumah al-Arabiah Littarbiah was Siqofah wal Ulum- Alesco , hal. 952

Manakala di dalam Bahasa Inggeris pula kesenian disebut sebagai ‘art’. Ia ditulis sebagai:³ “the making or expression of what is beautiful, e.g. in music, literature”.

Istilah ‘Melayu’ pula ialah merujuk kepada nama suatu bangsa dan bahasa (terutama di Semenanjung Malaysia).⁴

‘Tradisional’ pula membawa pengertian sebagai bersifat atau bercorak tradisi iaitu sesuatu kepercayaan atau adat yang kekal turun temurun.⁵

‘Terengganu’ pula merupakan sebuah negeri yang terletak di tenggara Semenanjung Malaysia. Mempunyai keluasan 13 080 km persegi. Ibu negerinya ialah Kuala Terengganu.⁶ Majoriti masyarakatnya adalah keturunan Melayu. Negeri Terengganu telah mula dikenali sejak dari zaman dahulu lagi.

‘Suatu’ bermaksud hanya satu.⁷ ‘Kajian’ berasal daripada perkataan ‘kaji’ (agama dan lain-lain), kajian ialah kegiatan (usaha, proses) mengkaji sesuatu perkara.⁸

³ *Dictionary of Contemporary English*, (1987) Longman , New Edition, printed in Spain by MELSA- Pinto- Madrid, hal. 47

⁴ *Kamus Dewan*, op. cit. hal. 814

⁵ Ibid. hal. 1386

⁶ Ibid. hal. 1431

⁷ Ibid. hal. 1229

⁸ Ibid. hal. 517

‘Daripada’ merupakan sendi kata yang menyatakan atau menunjukkan punca atau asas sesuatu tindakan (kesimpulan dan lain-lain).⁹

‘Perspektif’ iaiah pandangan atau pentafsiran yang wajar bukan sesuatu dengan memperkirakan bahagian-bahagian dalam hubungan keseluruhannya.¹⁰ Manakala pengertian bagi ‘Islam’ pula adalah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.¹¹ Islam juga meliputi cara hidup dan seluruh sistem kehidupan.

1.4 Skop Kajian

Di dalam mengkaji ‘Kesenian Melayu’ penulis akan menghadkan kepada kajian yang tertentu sahaja. Penulis akan mengkhususkan kajian kepada seni suara, muzik dan tarian sahaja dan tidak kepada seni yang lain. Kesenian yang terdapat di kalangan bangsa Melayu di Terengganu adalah begitu luas. Ini kerana kesenian meliputi dari banyak aspek seperti seni bina, seni suara, seni tari, seni muzik, seni drama, seni ukir, seni lukis, seni silat dan sebagainya.

⁹ Ibid. hal. 273

¹⁰ Ibid. hal. 1026

¹¹ Ibid. hal. 462

Seni suara ialah seni yang memerlukan kepada penilaian melalui pendengaran. Seni ini berkait rapat dengan perpaduan nada dan kata seperti lagu asmara, qasidah dan sebagainya. Ia merupakan tajuk yang utama dalam perbahasan yang dilakukan.

Manakala seni muzik pula ialah seni yang berhubungan dengan alat-alat muzik dan irama yang keluar daripada sesuatu alat muzik.¹² Ia merupakan gubah untuk memperolehi keindahan bentuk dan pernyataan perasaan.¹³ Setiap alat muzik mempunyai nada-nada yang berlainan. Pembahasan yang dilakukan di dalam bab ini ialah mengenai alat-alat yang digunakan itu samada ia dibenarkan oleh Islam ataupun sebaliknya.

Sementara seni tari pula ialah seni di dalam menggerakkan tubuh secara berirama dengan irungan alat muzik. Gerakannya merupakan satu gagasan atau luahan emosi yang kadangkala boleh menjadikan penari tidak sedarkan diri kerana terlalu asyik.¹⁴

Kesenian yang dipilih oleh penulis itu hanya dihadkan kepada seni suara, muzik dan tarian tradisional sahaja. Tiga bentuk kesenian akan diambil dan dipilih iaitu Ulit Mayang, Nobat dan Tarian Pulai. Di dalam ketiga-tiga bentuk seni ini akan

¹² Abdurrahman Al Baghdadi,(1988) *Seni Dalam Pandangan Islam*, Gema Insani Press, Jakarta, cet. ke 7, hal. 13

¹³ Kamus Dewan, op. cit. hal. 849

¹⁴ Abdurrahman Al-Baghdadi, op. cit. hal. 13

hanya dikhususkan kepada nilai-nilai yang tertentu sahaja. Jenis-jenis alat muzik yang digunakan bagi mengiringi kesenian tersebut akan dijelaskan bagi menggambarkan konsep sebenar kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional di Terengganu.

3

1.5 Masalah-masalah Kajian

Terdapat beberapa masalah yang akan dihadapi di dalam melakukan kajian mengenai kesenian Melayu ini. Ini kerana kesenian Melayu tradisional pada masa sekarang ini semakin kurang diamalkan. Generasi muda lebih berminat kepada kesenian yang terkini dan moden serta mengikut arus perkembangan semasa. Mereka tidak lagi berminat dengan kesenian tradisional yang pernah mewarnai kehidupan generasi terdahulu.

Kesenian yang sentiasa berubah-ubah juga akan memberi masalah kepada penulis. Ini kerana kajian kesenian yang dibuat akan berubah-ubah mengikut perubahan kesenian. Dengan sebab itu tidak terdapat ketetapan yang khusus terhadap bentuk kesenian yang dikaji. Walaubagaimanapun kesenian yang diamalkan itu tidak banyak mengalami perubahan berbanding dengan kesenian yang muncul pada peringkat permulaan.

Bahan-bahan kajian yang terhad juga turut menimbulkan masalah di dalam melakukan kajian terhadap kesenian Melayu di Terengganu ini. Bahan-bahan yang

diperolehi hanya berdasarkan kepada sumber atau bahan yang terdapat di perpustakaan. Selain daripada itu hanya sedikit sumber kajian yang diperolehi daripada sumber lisan. Sumber ini diperolehi oleh penulis secara temubual tidak langsung melalui responden-responden yang berpengalaman dalam bidang kesenian. Oleh yang demikian kajian yang dilakukan akan meliputi kajian melalui perpustakaan (library research) dan juga kajian lapangan (field research).

1.6 Latar belakang Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah terhadap kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional di Terengganu daripada perspektif Islam. Lagu-lagu yang dipusakai sejak turun-temurun itu akan dikaji dari perspektif Islam sama ada ia bercanggah ataupun tidak.

Kesenian Melayu tradisional itu adalah berbeza dengan kesenian tradisional Melayu. Ini kerana bagi kesenian tradisional Melayu, ia masih lagi diamalkan sehingga kini dengan pengubahsuaian mengikut suasana semasa. Berlainan dengan kesenian Melayu tradisional yang dikhkusus dan ditujukan kepada kesenian yang berlaku dan berlangsung pada masa yang lampau. Kesenian tersebut walaupun mempunyai nama dan persamaan yang banyak dengan kesenian yang diamalkan pada masa sekarang, namun ianya banyak diresapi oleh unsur-unsur fahaman animisme dan ajaran Hindu-Buddha.

Kesenian yang dikaji itu bukan hanya terhad kepada lagu-lagu yang dinyanyikan sahaja tetapi ia juga kepada tarian-tarian yang mengiringi lagu-lagu tersebut di samping muzik yang mengiringinya. Tanpa adanya tarian dan muzik, lagu-lagu pada kebiasaannya tidak akan meriah ataupun berseri. Sementara itu tarian yang mengiringi sesebuah lagu itu juga akan dikaji dari perspektif Islam. Ini kerana terdapat banyak perkara yang perlu dibincangkan di dalamnya. Antaranya ialah tarian yang melibatkan percampuran di antara lelaki dan perempuan.

1.7 Metodologi Kajian

Di dalam melakukan pengkajian pada tajuk ‘Kesenian Melayu Tradisional di Terengganu: Suatu Kajian Daripada Perspektif Islam’ penulis telah menggunakan kajian lapangan dan juga perpustakaan dalam menyiapkan kajian ini. Melalui landasan teori yang digunakan, penulis akan melaksanakan beberapa metode untuk mencari bahan yang diperlukan dalam menyiapkan pengkajian.

Tiga metode yang dianggap penting akan digunakan dalam mencari dan mengumpul serta menganalisis bahan dalam kajian ini. Metode-metode itu ialah

- i Metode penentuan subjek
- ii Metode pengumpulan data
- iii Metode analisis data

1.7.1 Metode Penentuan Subjek

Di dalam menentukan tajuk kajian, penulis telah diluluskan dengan tajuk ‘Kesenian Melayu Tradisional di Terengganu: Suatu Kajian Daripada Perspektif Islam’ oleh pihak Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Bagi menentukan sasaran kajian, metode sampling telah digunakan untuk menetapkan sample kajian. Kesenian yang dimaksudkan itu ialah kesenian tradisional Melayu di Terengganu yang diwarisi sejak dari turun temurun dan masih lagi diamalkan sehingga kini. Tetapi ia telah diubahsuai mengikut peredaran semasa.

Perkara-perkara yang hendak dikaji akan dikenal pasti terlebih dahulu dengan membuat penelitian terhadap bentuk kesenian di samping mengkaji sejauh mana kesenian yang diamalkan mempengaruhi kehidupan mereka dan kedudukan kesenian itu sama ada bercanggah ataupun sebaliknya dengan Islam. Seterusnya objektif kajian akan ditentukan hasil dari metode yang dilakukan.

1.7.2 Metode Penentuan Data

Dalam penyelidikan ini, penulis akan berusaha mencari dan mengupas beberapa data dan seterusnya menentukan data yang diperolehi tersebut adalah tepat. Sehubungan itu dua bentuk kajian akan dilakukan bagi memperolehi maklumat yang diperlukan. Bentuk kajian yang dimaksudkan itu ialah :

- i) Kajian perpustakaan
- ii) Kajian luar (lapangan)

Bagi kajian perpustakaan, penulis menggunakan dua metode pengkajian iaitu dari sudut sejarah dan dokumentasi. Latar belakang dan sejarah yang berkaitan dengan kesenian Melayu akan dikaji terlebih dahulu. Pada peringkat ini kajian perpustakaan akan lebih tertumpu kepada perpustakaan awam yang terdapat di bandar Kuala Terengganu, Arkib Negara cawangan Kuala Terengganu dan perpustakaan yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu. Selain daripada peranan yang dimainkan oleh muzium sebagai tempat menyimpan bahan-bahan lama, ia juga turut dipertanggungjawabkan bagi mengkaji dan menyelidik sesuatu bahan atau perkara yang ada kaitan dengan unsur-unsur sejarah.

Bagi metode dokumentasi pula ia berkaitan dengan penulisan di dalam bab yang kedua dan juga bab yang ketiga. Di dalam bab ini penulis akan membincangkan mengenai konsep kesenian Melayu yang terdapat di Terengganu. Sejarah masyarakat Melayu di Terengganu akan dijelaskan bersama dengan perkembangan kesenian dan sumber-sumber luar yang mempengaruhi kesenian Melayu Terengganu. Pelbagai jenis hiburan dan alat muzik akan dijelaskan terlebih dahulu bagi memberi gambaran terhadap kajian.

Pada masa ini beberapa sumber rujukan akan digunakan. Antaranya termasuklah:

- i) Buku-buku rujukan dari :
 - ♦ Perpustakaan Utama Universiti Malaya
 - ♦ Perpustakaan Muzium Negeri Terengganu
 - ♦ Arkib Negeri Terengganu
- iii) Majalah dan Akhbar
- iv) Risalah, kertas kerja dan jurnal

Dokumen dan bahan tersebut amatlah penting kerana ia akan membantu penulis di dalam membuat rujukan dan mendapat bahan yang diperlukan. Ini kerana daripada sumber yang berikut isi-isi yang diperlukan lebih meyakinkan kerana mempunyai sumber rujukan.

Manakala bagi kajian luar pula penulis menggunakan beberapa metode yang tertentu untuk mendapatkan bahan kajian. Metode yang tersebut ialah metode temubual, observasi dan soal selidik.

a) **Temubual**

Salah satu cara yang sering digunakan bagi mendapat keterangan tentang sesuatu perkara yang hendak dikaji ialah dengan menemubual dan menemuramah

responden atau orang yang mempunyai sumber yang diperlukan.¹⁵ Terdapat beberapa kebaikan dan kelebihan daripada kajian melalui temubual. Antaranya ialah:

Penemubual boleh menyiasat dengan teliti untuk mendapatkan jawapan yang lebih khusus dan boleh mengulangi sesuatu soalan apabila jawapan yang di perolehi menunjukkan responden tersalah faham. Mungkin juga kerana tidak semua soalan sesuai dengan respondan. Ini kerana situasi temubual membolehkan penemubual menentukan soalan-soalan manakah yang lebih sesuai dan tidak perlu menulis semua soalan seperti yang dilakukan oleh penyelidik dalam kajian melalui pos.

Temubual selalunya mempunyai kadar tindakbalas yang lebih baik daripada soal selidik melalui pos. Mereka yang tidak boleh membaca dan menulis masih boleh menjawab soalan-soalan dalam temubual. Ini kerana bagi mereka yang malas menulis jawapan, mereka mungkin lebih selesa untuk bercakap. Ramai orang lebih yakin keupayaan mereka bercakap daripada keupayaan menulis. Di samping itu soalan-soalan yang dikemukakan akan lebih mudah dinilai kesahihannya apabila penemubual memerhatikan tingkah laku bukan verbal yang ditunjukkan oleh respondan.¹⁶ Pada peringkat ini penulis akan menemubual tokoh-tokoh yang terlibat dengan kesenian yang terdapat di Negeri Terengganu. Antara tokoh tersebut ialah penyair J. M. Aziz yang tinggal di Kampung Seberang Takir.

¹⁵ Kenneth D. Bailey (1992), *Kaedah penyelidikan sosial*, Hashim Awang (terj) Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 284

¹⁶ Ibid. hal. 285

Kebaikan-kebaikan yang lain melalui kajian temubual ialah seperti susunan soalan yang teratur dapat dibuat di atas kehendak penemubual. Soalan-soalan yang dikemukakan membolehkan proses mendapatkan maklumat dalam masa yang ringkas. Kesepontanan soalan juga dapat dibuat berbanding dengan soalan melalui pos yang mana responden akan lebih banyak mempunyai waktu untuk memberikan jawapan.

Soalan-soalan yang diajukan juga akan dijawab terus oleh responden. Ini kerana jika soalan yang dikemukakan melalui pos, kemungkinan untuk responden menipu adalah besar. Kemungkinan juga soalan yang diberikan itu dijawab oleh orang lain. Tetapi dengan menemubual sendiri responden, setiap soalan yang diberikan akan dijawab.

Walaupun begitu terdapat beberapa kelemahan melalui kajian temubual yang mesti dielak oleh penemubual. Antaranya ialah ia mungkin akan memakan belanja yang besar dan masa yang lama atau terpaksa membuang masa dengan sia-sia untuk mencari responden. Contohnya seperti yang dialami oleh penulis ketika mewancara Imam masjid KUSZA, Tuan Haji Suhaimi bin Mohamad.¹⁷

¹⁷ Penulis telah menghabiskan masa dan belanja yang banyak kerana terpaksa mencari orang yang benar-benar memahami tentang konsep kesenian.

b) Metode Observasi

ia merupakan pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap aspek-aspek penelitian. Penulis akan membuat pemerhatian dan penelitian terhadap persembahan kesenian yang dibuat bagi menentukan ciri-ciri yang dikaji. Persembahan kesenian tradisional yang dipertunjukkan itu akan memberi gambaran dengan lebih jelas lagi terhadap kesenian yang dikaji daripada perspektif Islam.

Ini kerana pemerhatian diakui lebih baik daripada penyelidikan siasatan, ujikaji atau kajian dokumen untuk mengumpul data tingkah laku bukan verbal.¹⁸ Penulis akan melihat tingkah laku serta proses persembahan kesenian yang ditunjukkan oleh responden tanpa disedari yang menjadikan ianya lebih meyakinkan penulis untuk membuat penilaian. Antaranya ialah persembahan kesenian yang dilakukan oleh Kelab Kesenian Muzium Terengganu.

c) Metode soal selidik

Melalui metode ini borang-borang kaji selidik perlu diedarkan kepada responden yang mengandungi soalan-soalan yang sesuai dengan tajuk yang dikaji. Penulis merasakan cara ini tidak perlu dilakukan di dalam menyiapkan pengkajian

¹⁸ Kenneth D. Bailey, op.cit. hal. 286

kerana data-data atau maklumat yang diperlukan boleh diperolehi melalui dua cara metodologi atau pengkajian yang terdahulu.

1.7.3 Metode Analisis Data

Terdapat tiga metode yang akan digunakan di dalam bahagian ini. Ia merangkumi perbincangan di dalam kesemua bab tesis ini. Metode-metode yang akan digunakan ialah metode induktif, deduktif dan komparatif.

a) Metode Induktif

Metode ini akan digunakan untuk menganalisa data melalui pola berfikir yang kritis dengan berpandukan kepada metode-metode yang terdahulu. Metode ini akan digunakan di dalam :

- i) Pengertian tajuk.
- ii) Bab yang keempat iaitu kedudukan Kesenian Melayu di Terengganu daripada perspektif Islam.
- iii) Penganalisaan kajian.

Pengertian tajuk telah dirangkumkan ke dalam bab 1. Di dalam bab ini, penulis akan menghuraikan tentang pengertian kesenian serta metode-metode yang akan digunakan dalam kajian yang dilakukan.

Sementara itu kedudukan kesenian Melayu di Terengganu menurut perspektif Islam akan diletakkan di dalam bab yang keempat. Bab ini merupakan bab yang paling utama yang akan membincangkan dengan terperinci pengkajian yang dilakukan.

Akhirnya pengkajian yang dibuat itu akan dianalisa dan disertakan bersama dengan rumusan serta cadangan bagi kepentingan generasi yang akan datang di dalam menghayati kesenian yang tidak menyeleweng daripada landasan Islam.

b) Metode deduktif

Di dalam bahagian ini, pengolahan data perlu dibuat berdasarkan kepada pola berfikir bagi mencari pembuktian kepada dalil-dalil yang dikemukakan. Tujuannya ialah untuk mempastikan kesemua dalil-dalil yang dikemukakan itu bertepatan dengan tajuk dan pembahasan yang dilakukan.

Metode ini akan digunakan di dalam bahagian yang keempat bagi menjelaskan tentang kedudukan kesenian Melayu di Terengganu daripada perspektif Islam.

c) Metode komparatif

Maklumat-maklumat yang diperolehi akan dikumpulkan. Kemudian maklumat yang berkaitan dengan kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Terengganu akan dibandingkan dengan kesenian yang telah digariskan di dalam Islam.

Ita juga turut merangkumi maklumat-maklumat mengenai kesenian yang diamalkan di Negeri Terengganu serta pengaruhnya di dalam kehidupan masyarakat. Kesimpulan akan dibuat berdasarkan kepada perbandingan antara kesenian yang diamalkan dengan kesenian yang dibenarkan oleh Islam.

1.8 Sistematika Penulisan

Di dalam melakukan pengkajian terhadap ‘Kesenian Melayu Tradisional di Terengganu: Suatu Kajian Daripada Perspektif Islam’, penulis akan membahagikan kajian yang dilakukan kepada lima bahagian atau bab.

Dalam bab yang pertama akan dikhususkan kepada metodologi kajian yang akan dilakukan. Pengertian tajuk yang merupakan pengenalan kepada kajian akan dijelaskan dalam bab ini. Di samping itu juga akan diterangkan tentang kajian-kajian yang lalu berkaitan dengan tajuk ini. Kepentingan kajian mengenai kesenian akan

dihuraikan bersama dengan hujah-hujah bagi membuktikan kajian ini adalah penting untuk dilakukan.

Skop kajian akan ditentukan kepada beberapa jenis kesenian sahaja iaitu yang melibatkan nyanyian dan tarian. Beberapa kategori dalam kesenian akan dipilih dalam kajian ini yang melibatkan perbandingan antara kesenian yang diamalkan dengan kesenian Islam.

Di dalam bab yang kedua pula akan dijelaskan tentang latar belakang kesenian yang terdapat di Negeri Terengganu. Latar belakang masyarakat Melayu di Terengganu akan dijelaskan bermula daripada penghijrahan penduduk awal ke Terengganu. Penempatan-penempatan awal penduduk akan dikemukakan kerana iaanya melibatkan permulaan kesenian yang terdapat di Negeri Terengganu.

Penerimaan Islam di kalangan masyarakat Melayu di Terengganu akan dijelaskan berdasarkan kepada bukti-bukti sejarah. Bab ini akan membincangkan kesan dan pengaruh daripada kemasukan Islam terhadap kesenian yang diamalkan. Faktor-faktor yang mempengaruhi kesenian akan disertakan bersama yang terdiri daripada pengaruh animisme, Hindu serta Buddha dan Islam. Akhirnya kesimpulan akan dibuat berdasarkan kepada perbincangan daripada keseluruhan bab kedua ini

Di dalam bab yang ketiga, ia dikhususkan kepada konsep kesenian yang terdapat di Negeri Terengganu. Ia akan bermula dengan penerangan sejarah

penciptaan alat-alat muzik. Selepas itu, jenis-jenis hiburan akan diterangkan supaya pengkajian yang dilakukan dapat memberi gambaran terhadap kesenian yang diamalkan.

Alat-alat muzik tradisional yang terdiri daripada berbagai jenis kegunaan yang mengiringi sesuatu persembahan kesenian akan diterangkan dari sudut penggunaannya. Ini adalah penting bagi melakukan perbandingan antara kesenian yang diamalkan dengan kesenian yang dibenarkan di dalam Islam.

Di samping itu matlamat dan tujuan kesenian yang diamalkan akan disertakan bersama dengan falsafah kesenian. Akhirnya kesimpulan akan dibuat terhadap konsep kesenian yang dijalankan.

Di dalam bab yang keempat akan dikhurasukan kepada perbincangan kesenian yang terdapat di Negeri Terengganu menurut perspektif Islam. Definisi kesenian Islam akan dijelaskan berdasarkan kepada pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para Ulama'. Pandangan para tokoh akan dikupas di dalam membuat penilaian terhadap kesenian yang diamalkan di Negeri Terengganu.

Kedudukan kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Terengganu akan dijelaskan sama ada ia boleh diamalkan ataupun sebaliknya. Setelah itu akan dibincangkan tentang proses Islamisasi kesenian yang terdapat di Negeri Terengganu. Akhirnya kesimpulan akan dibuat berdasarkan kepada keseluruhan pengkajian di dalam bab ini.

Bab yang kelima merupakan bab terakhir daripada pengkajian yang dilakukan. Di dalam bab ini akan dikhkususkan kepada saranan dan rumusan daripada kajian yang dilakukan. Komentar mengenai kesenian yang diamalkan akan dibuat berdasarkan kepada kesenian terdahulu.